

21 JUL 2002

Aids-Komuniti

PUSAT KOMUNITI DAPAT BANTU BENDUNG AIDS, KATA MARINA

TELUK INTAN, 21 Julai (Bernama) -- Pusat-pusat komuniti bagi memberi penerangan mengenai Aids dan HIV kepada orang ramai selain membantu pesakit-pesakit Aids perlu diperbanyakkan lagi, kata Presiden Majlis Aids Malaysia (MAC) Datuk Paduka Marina Mahathir.

Beliau berkata pusat-pusat komuniti berkenaan boleh membantu menyebarkan maklumat mengenai Aids dan HIV ke peringkat akar umbi dan paling baik sekiranya ia dapat diwujudkan di setiap daerah atau bandar.

"Kita memang menggalakkan penubuhan pusat komuniti ini dan kita bersedia membantu daripada segi kewangan dan nasihat," katanya kepada pemberita selepas majlis malam amal Pertubuhan Komuniti Intan, di sini malam tadi.

Malam amal itu diadakan bagi mengutip sumbangan untuk membina pusat maklumat bagi memberi penerangan mengenai Aids dan HIV terutama bagi penduduk di Hilir Perak.

Marina berkata kerajaan dan MAC boleh membuat dasar dan perancangan bagi menghadapi masalah ini tetapi usaha sebenar perlu datang daripada peringkat komuniti.

"Kita sepatutnya merasa bimbang kerana di seluruh negara sehingga Disember tahun lepas, terdapat kira-kira 44,000 pesakit Aids dan kebanyakan mereka adalah golongan muda yang bakal menerajui negara ini suatu hari nanti.

Katanya beliau percaya jumlah yang dilaporkan itu tidak menunjukkan angka sebenar jumlah pesakit itu kerana penyakit Aids adalah penyakit yang tersembunyi.

"Ada pesakit AIDS yang tidak tahu mereka menghadapi penyakit tersebut. Tapi yang nyata jumlah yang dilaporkan semakin bertambah dari tahun ke tahun. Inilah pentingnya peranan pusat komuniti untuk memberi maklumat," katanya.

Beliau berkata jika dilihat di hospital-hospital, ramai pesakit Aids tidak menyangka sama sekali mereka akan mendapat penyakit itu kerana beranggapan ia hanya akan dihidapi golongan tertentu seperti penagih dadah dan pengamal seks bebas.

Marina juga berkata MAC sedang mempelbagaikan program mereka yang lebih menumpukan kepada pencegahan berbanding penjagaan terutama program yang melibatkan golongan muda.

-- BERNAMA

KAY RHM